

**SULIT**



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : KONTRAK DAN TAKSIRAN  
KOD KURSUS : BFC 31602/BFC 2022  
PROGRAM : 2 BFF  
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2013/JANUARI 2014  
TEMPOH : 2 JAM  
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM (6) MUKASURAT

**SULIT**

- S1**
- (a) Takrifkan;
- (i) Undang-undang (1 markah)
- (ii) Keadilan (1 markah)
- (b) Jelaskan bagaimana undang-undang digubal di Malaysia. (6 markah)
- (c) Bandingkan antara Undang-undang Jenayah dan Undang-undang Sivill. (7 markah)
- (d) Terdapat kaedah tertentu dalam membentuk badan perundangan. Sila atur semula sumber undang-undang dan sertakan lakaran untuk menyokong jawapan anda. (10 markah)
- S2**
- (a) Berikan contoh kes mahkamah yang relevan bagi setiap terma di bawah;
- (i) Tawaran – Kontrak satu pihak (1 markah)
- (ii) Pelawaan tawaran – memperagakan barang (1 markah)
- (iii) Penerimaan – berdiam diri bukan satu penerimaan (1 markah)
- (b) Adalah penting untuk memastikan bahawa balasan dan tujuan sesuatu perjanjian itu mestilah sah kerana jika mana-mana bahagian balasan atau tujuan sesuatu perjanjian itu menyalahi undang-undang, maka perjanjian tersebut tidak sah. Berdasarkan Seksyen 24 Akta Kontrak 1950, sila kaji kriteria bagi balasan atau tujuan perjanjian yang boleh menyebabkan perjanjian menjadi tidak sah. (5 markah)

- (c) Pada 1 November, Ahmad yang tinggal di sebelah rumah Hussain memanggil Hussain dan menawarkan untuk menjual sebuah computer Apple MacBook Pro dengan harga RM2,000. Pada 3 November, Hussain menulis sepucuk surat dan mengeposkannya kepada Ahmad dengan menyatakan penerimaan tawaran itu. Surat itu tidak alamatkan dengan betul dan akibatnya Ahmad menerima surat penerimaan tersebut pada 8 November dan bukannya pada 5 November. Pada malam 6 November Ahmad menelefon Hussain dan berkata, "Saya membatalkan tawaran saya kepada anda."

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, sila pilih **SATU (1)** isu di bawah dan berikan nasihat penyelesaian:

- (i) Sama ada penerimaan Hussain melalui pos adalah cara yang lazim dan munasabah untuk mengkomunikasikan penerimaan di bawah seksyen 7 (b) Akta Kontrak 1950. (12 markah)
- (ii) Bilakah komunikasi penerimaan lengkap. (12 markah)
- (iii) Adakah komunikasi pembatalan tawaran yang dibuat oleh Hussain melalui telefon pada 6 November berkesan untuk membatalkan tawaran ini. (12 markah)
- (d) Ganti rugi merupakan remedi yang lazim diperolehi oleh pihak yang mengalami kerugian dalam kes kemungkiran atau pelanggaran kontrak. Sila klasifikasikan ganti rugi berdasarkan Bahagian VII; Seksyen 74, Seksyen 75 dan Seksyen 76 Akta Kontrak 1950. (5 markah)
- S3** (a) Kontrak Reka-Bina atau Turnkey sering digunakan bagi memendekkan masa yang diperlukan untuk menyiapkan projek. Bincangkan kebaikan dan keburukan kontrak jenis ini. (5 markah)
- (b) Sebagai seorang jurutera di Jabatan Kerja Raya, anda bercadang untuk melaksanakan projek membina sebuah hospital baru di Parit Raja. Sila gariskan langkah-langkah dalam proses tender. (7 markah)
- (c) Jelaskan perbezaan antara Dokumen Tender Meja, Dokumen Tender dan Dokumen Kontrak. (3 markah)
- (d) Menurut Fasal 43 Borang J.K.R. 203/203A (Pind. 1/2010), kontraktor adalah layak untuk dianugerahkan lanjutan masa apabila kemajuan kerja didapati telah terlewat. Sila jelaskan alasan-alasan yang munasabah. (10 markah)

**S4** Berdasarkan kepada Rajah **S4(a)** dan Rajah **S4(b)**, ukur kuantiti untuk perkara-perkara berikut:

- (a) Kerja penggalian untuk pembersihan keseluruhan tapak bina pada kedalaman 150 mm dan penggalian asas pad. (5 markah)
- (b) Jumlah konkrit untuk asas pad, tunggul tiang dan rasuk tanah. (5 markah)
- (c) Kotak bentuk untuk asas pad, tunggul tiang dan rasuk tanah. (5 markah)
- (d) Besi tetulang untuk asas pad, tunggul tiang dan rasuk tanah (dalam unit kilogram). (5 markah)
- (e) Perangkai pada tunggul tiang dan rasuk tanah. (5 markah)

**- SOALAN TAMAT -**



**PEPERIKSAAN AKHIR**

SEMESTER/SESI : SEM I/2013/2014


PROGRAM : 2 BFF

NAMA KURSUS : KONTRAK DAN TAKSIRAN

KOD KURSUS : BFC31602/BFC2022

PAD FOOTING MARK	PAD FOOTING DIMENSIONS			REINFORCEMENT		
	B, mm	L, mm	H, mm	XDirBar	YDirBar	TIES
F1	1000	1000	250	7Y12-150	7Y12-150	-

**PAD FOUNDATION REINFORCEMENT SCHEDULE**



**CONVERSION TABLE FOR ROUND BAR (BS 4449:1997)**

Nominal Size (mm)	Cross Sectional Area (mm <sup>2</sup> )	Mass Per Meter Run (kg)
06	28.3	0.222
08	50.3	0.395
10	78.5	0.616
12	113.1	0.888
16	201.1	1.579
20	314.2	2.466
25	490.9	3.854
32	804.2	6.313

**RAJAH S4(a)**


**PEPERIKSAAN AKHIR**

SEMESTER/SESI : SEM I/2013/2014


PROGRAM : 2 BFF

NAMA KURSUS : KONTRAK DAN TAKSIRAN

KOD KURSUS : BFC31602/BFC2022



**GROUND FLOOR PLAN**



**NOTES**

1. Excavate top soil 150mm deep to be deposited 10m from site
2. Concrete cover for pad footing, column stump and ground beam is 50mm thick.
3. Lean concrete shall be of Gr. 7 concrete.
4. Concrete to footings, stumps, ground beams and bed shall be of Gr. 30 concrete.
5. Extra over for excavation in rock shall be 10% of the volume in soil.

**RAJAH S4(b)**